

12/12/1999

Gandingan mantap lama dan baru

r; Fazli Arman; Abdul Razak Raaff; Asrol Awang

KUALA LUMPUR: Pelantikan barisan menteri baru yang mengandungi gandingan muka lama, baru dan tokoh akademik adalah kombinasi paling mantap bagi menyediakan Malaysia melangkah ke alaf baru dengan lebih gagah.

Di ALOR STAR, Menteri Besar yang baru dilantik, Datuk Syed Razak Syed Zain berkata pembentukan Kabinet pilihan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mampu meningkatkan pelaburan asing.

"Memang dalam mana-mana pentadbiran negara dan negeri, kita kena menampilkan muka baru kerana mereka ini akan ambil alih kepemimpinan. Tanpa sokongan mereka, kita tak ada apa kerana umur kita meningkat.

"Kita juga percaya Dr Mahathir telah memberi gambaran yang baik kepada pelabur luar dan kedatangan mereka adalah kerana kepemimpinan dan kestabilan politik," katanya.

Di KUANTAN, Tengku Azlan Sultan Abu Bakar, 50, menganggap dirinya kerabat diraja paling bertuah kerana diberi peluang untuk lebih rapat kepada rakyat melalui jawatannya, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

"Saya anggap tugas itu sebagai amanah rakyat dan saya akan pikul dengan sebaik mungkin," katanya ketika dihubungi di Bangsar, Kuala Lumpur.

Beliau yakin tidak menghadapi masalah untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat, walaupun dirinya adik kepada Sultan Pahang dan menantu Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

"Darah raja yang ada pada saya sebenarnya satu bonus bagi saya untuk lebih dekat dengan rakyat dan bukannya halangan," katanya yang mempunyai seorang anak perempuan dan dua lelaki.

Di JOHOR, tiga ahli Parlimen negeri ini yang juga muka baru dalam barisan Kabinet berazam melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan sedia memikul tugas diamanahkan demi kebaikan rakyat dan negara.

Ahli Parlimen Johor Bahru, Mohd Khaled Nordin, 41, yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Kerja Raya menganggap pelantikan beberapa pimpinan muda Johor adalah pengiktirafan kepada BN Johor.

Bagi Ahli Parlimen Muar, Dr Robia Kosai dan Parlimen Ledang, Hashim Ismail, masing-masing dilantik Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan Kementerian Kewangan, terharu kerana tidak menyangka namanya akan disenaraikan dalam barisan Kabinet.

Dr Robia berkata, muka baru juga boleh memberi sumbangan dan idea baru dalam membantu kerajaan membangunkan negara dalam semua aspek serta bersama-sama menghadapi cabaran menjelang alaf baru.

Di KANGAR, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Perlis, Zahidi Zainul Abidin, yakin kemampuan golongan muda di negara ini dapat digembleng dengan lebih berkesan bagi melahirkan golongan belia berwawasan ke arah membentuk sebuah negara dan masyarakat yang maju dan makmur.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Beseri berkata, antara tindakan positif kerajaan bagi merealisasikan matlamat itu ialah dengan pemangku ketua pergerakan itu, Datuk Hishamuddin Hussein, bagi menerajui Kementerian Belia dan Sukan.

"Sebelum ini, beberapa pemimpin termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sudah merintis jalan ke arah itu seperti menubuhkan Majlis Perundingan Mahasiswa.

"Kini, apabila wakil dari golongan muda dilantik menerajui Kementerian Belia dan Sukan, kita yakin ia adalah kepercayaan besar kerajaan terhadap fungsi dan kepentingan yang boleh dimainkan oleh golongan terbabit,"

katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Ketua Pergerakan Pemuda Umnonya, Abdul Rahin Said berkata, Malaysia perlu dinamik bagi menempuh abad ke-21 yang lebih mencabar dalam banyak segi seperti ekonomi, teknologi dan pembangunan material yang berbeza jika dibandingkan dengan abad yang akan ditinggalkan.

Abdul Rahin, bagaimanapun enggan mengulas mengenai ketiadaan seorang pun wakil dari negeri itu dalam Kabinet kali ini, tetapi yakin Perdana Menteri akan berbuat sesuatu untuk Terengganu sedikit masa lagi kerana ada beberapa jawatan timbalan menteri dan setiausaha parlimen masih belum diisi.

(END)